



SYARAT-SYARAT BAGI SYARIKAT-SYARIKAT TEMPATAN YANG INGIN MEMBUAT TEMPAHAN VAKSINASI COVID-19

Syarikat-syarikat tempatan yang ingin membuat tempahan vaksinasi bagi pekerja-pekerja, samada warga tempatan atau warga asing **pada setiap hari Ahad di Pusat Vaksinasi Stadium Tertutup** hendaklah memenuhi syarat-syarat berkenaan:

- I. Tempahan hendaklah dibuat **melalui aplikasi WhatsApp sahaja** ke nombor-nombor talian:

No. Bil.	Slot tempahan	Nombor talian
1	Slot 1 2.00 petang – 4.00 petang	8129148
2	Slot 2 4.00 petang – 5.00 petang	8139148
3	Slot 3 5.00 petang – 7.00 malam	8189148
4	Slot 4 7.00 malam – 8.00 malam	8146148

2. Syarikat-syarikat berkenaan juga boleh menghantar **e-mel** kepada vacc.comp@moh.gov.bn
3. Perkhidmatan ini adalah khusus bagi pekerja-pekerja di syarikat-syarikat tempatan, samada warga tempatan atau warga asing sahaja.
4. Tempahan **akan ditutup** jika slot tempahan **PENUH**.
5. Tempahan yang berjaya dibuat akan menerima Whatsapp dengan tempahan slot dan nombor giliran (*Body Number*) dalam tempoh 24 jam dari hari membuat tempahan.
6. Individu yang membuat tempahan akan di berikan pautan (*website link*) kepada *Google Form* untuk mengisikan maklumat yang diperlukan.
7. Maklumat yang diperlukan semasa membuat tempahan slot adalah:
 - i. Nama penuh
 - ii. Nama syarikat
 - iii. Nombor kad pengenalan pintar (I.C.) atau Pasport
 - iv. Nombor Bru-HIMS (jika ada)
 - v. Warganegara pemohon
 - vi. Nombor telefon yang mudah dihubungi

8. Mana-mana individu yang tidak mempunyai BruHealth atau BruHIMS semasa membuat tempahan, mereka akan diatuhkan untuk menjalani ujian swab ART sebelum divaksinasi.

9. **Waktu operasi bagi perkhidmatan vaksinasi ini yang bertempat di Pusat Vaksinasi Stadium Tertutup adalah dari jam 2 petang hingga 8 malam.**